

Latihan 2

Isi tempat kosong dengan jawapan yang sesuai

Sekolah Saya

Nama sekolah saya ialah Sekolah Kebangsaan Kampung Tunku
Sekolah saya _____ 2 _____ di Petaling Jaya, Selangor.

Sekolah saya _____ 3 _____ sebuah bangunan. Bangunan sekolah saya diperbuat daripada _____ 4 _____. Di sekolah saya ada 6 buah bilik darjah, sebuah bilik pusat _____ 5 _____, sebuah bilik sains dan bilik stor.

Di samping itu, di sekolah saya juga ada sebuah bilik Guru Besar, sebuah pejabat dan bilik air. Sekolah saya ada sebuah bilik _____ 6 _____ yang berhawa _____ 7 _____.

Kawasan sekolah saya _____ 8 _____ dengan pokok-pokok bunga. Seramai 8 orang guru dan 2 orang _____ 9 _____ berkhidmat di sekolah saya. Mereka sangat berdedikasi dan _____ 10 _____.

Saya dan _____ 11 _____ saya belajar di sekolah ini. Saya _____ 12 _____ belajar di sekolah saya.

adik	komputer	mempunyai
bertanggungjawab	dingin	terletak
dihiasi	sumber	suka
kakitangan	batu	Kebangsaan

